

NEGARA MENGHARGAI TUN GHAFAR

ALLAHYARHAM Tun Ghafar Baba bukan sahaja seorang bekas Timbalan Perdana Menteri tetapi juga pejuang kemerdekaan yang telah menghabiskan hayatnya memberi sumbangan penting kepada pembinaan negara.

Beliau merupakan satu-satunya ahli politik di negara ini yang menceburkan diri dalam perjuangan menuntut kemerdekaan sebagai seorang remaja berusia 15 tahun melalui Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan meningkat naik hingga ke jawatan Timbalan Perdana Menteri ketika berusia 65 tahun.

Prinsip beliau terhadap perjuangan kebangsaan yang beliau hayati sejak remaja lagi menjadikan Allahyarham sebagai seorang nasionalis dan patriot yang konsisten. Namun begitu, beliau mempunyai pandangan politik pragmatik yang membawa kepada kejayaannya sebagai pemimpin tetapi pada waktu sama mempertahankan prinsip kebangsaannya.

Sebagai aktivis KMM, Allahyarham telah secara langsung menentang penjajahan British sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Selepas perang, beliau menyertai Parti Kebangsaan Melayu

Malaya (PKMM) yang berjuang atas platform menuntut kemerdekaan.

Allahyarham yang mendapat pendidikan dari Kolej Perguruan Sultan Idris (SITC) Tanjung Malim merupakan sebahagian daripada generasi guru Melayu yang menjadi aktivis kebangsaan. Sesungguhnya golongan ini telah menjadi penggerak kepada penyemai semangat kebangsaan di negara ini.

Tetapi apabila UMNO disusun semula sebagai parti politik yang menuntut kemerdekaan dan bukan sekadar menentang Malayan Union pada tahun 1951, Allahyarham bersama beberapa rakan nasionalis lain yang mempunyai pertimbangan praktikal telah menyertai wadah utama politik orang Melayu itu.

Sejak itu Allahyarham sendiri sinonim dengan UMNO hinggalah beliau dianggap sebagai suatu institusi dalam parti.

Bermula dari tahun 1955, beliau bertanding dalam pilihan raya umum dan terus menjadi wakil rakyat selama 11 penggal. Sudah tentu dalam jangka waktu panjang ini, beliau banyak membentuk corak negara yang berteraskan per-

juangan kebangsaan.

Kesetiaan Allahyarham terhadap kepimpinan parti dan negara tidak pernah tergugat, baik semasa Almarhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam kerjaya politiknya, kecenderungan Allahyarham adalah pada pembangunan luar bandar. Sementara pendirian Allahyarham dalam soal perpaduan kaum adalah jelas dengan peranan yang dimainkan dalam soal ini menyebabkan beliau meninggalkan jasa memupuk hubungan baik antara kaum.

Justeru, jasa Allahyarham dalam dua sudut penting nasional ini, iaitu pembangunan luar bandar dan perpaduan antara kaum melengkapkan sumbangan awal beliau dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dan pembinaan negara Malaysia.

Dengan jasa bakti ini, kita percaya negara, bangsa dan rakyat Malaysia wajar memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada negarawan bernama Tun Ghafar Baba ini.

Semoga rohnyanya dicucuri rahmat Allah s.w.t. Al-Fatihah.

Renungan

TIAP-TIAP diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kami lah kamu semua akan dikembalikan.

— Surah Al-Anbiyaa, ayat 35.